



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM

Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027

Tarikh : 1 Oktober 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 17 TAHUN 2021**

**PERINGATAN PELAKSANAAN KOD ETIKA DAN TATALAKU LEMBAGA GETAH
MALAYSIA (LGM) BERKAITAN NILAI BAGI SETIAP PEGAWAI/PENGGHIDMAT LGM**

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Peraturan 2, "Nilai", perenggan 2.2 Kod Etika dan Tatalaku Lembaga Getah Malaysia,

2.2. *Kakitangan adalah ditegah dari :*

2.2.1 *Membelakangkan kewajipannya kepada LGM kerana kepentingan persendiriannya.*

2.2.2. *Berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas-tugasnya di LGM.*

2.2.3. *Berkelakuan yang menyebabkan syak yang munasabah bahawa kakitangan menggunakan kedudukannya sebagai seorang kakitangan LGM untuk faedah persendiriannya.*

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pelaksanaan dan pentadbiran urusan perjawatan oleh UPSM dilaksanakan secara telus dan adil berdasarkan kod etika dan tata tertib LGM, adalah diingatkan bahawa pegawai/pengkhidmat LGM ditegah daripada mempengaruhi urusan pengisian jawatan kosong di LGM termasuklah berhubung atau memberi tekanan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam melaksanakan proses pemilihan sehingga pelantikan bagi tujuan mengisi sesuatu kekosongan jawatan di LGM. Pihak-pihak terlibat termasuklah kakitangan UPSM dan panel-panel yang terbabit dalam urusan temuduga.

4. Larangan ini adalah selaras dengan Peraturan (3)(2a) dan (3)(2c), Peraturan-Peraturan Tata tertib Badan-Badan Berkanun, Bahagian II Tatakelakuan, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000, [Akta 605], yang menyatakan:

3(2) Seseorang pegawai tidak boleh —

(a) membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya.

3(2) Seseorang pegawai tidak boleh —

(c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—

(i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau

(ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri.

5. Sehubungan dengan itu, semua pegawai/pengkhidmat LGM adalah tertakluk kepada Akta 605 dimana ketidakpatuhan kepada larangan ini adalah satu ingkar perintah yang boleh menyebabkan pegawai/pengkhidmat LGM dikenakan tindakan tata tertib selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

Saya yang menjalankan amanah,



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)